

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT PENGAKSESAN PLAZA *PREMIUM LOUNGE* KAD KREDIT *CIMB VISA INFINITE* DAN *VISA SIGNATURE*

Versi: 1 SEPTEMBER 2024

- 1. Pengaksesan Plaza *Premium Lounge* (seperti yang ditakrifkan dalam Klausa 2) adalah terpakai kepada Pemegang Kad Utama *CIMB Visa Infinite* dan *CIMB Visa Signature* sahaja ("**Pemegang Kad Layak**") yang dikeluarkan oleh CIMB Bank Berhad ("**Bank**") di Malaysia.
- 2. Pemegang Kad Layak akan **layak kepada pengaksesan berikut ke Plaza *Premium Lounge* dan koleksi makan-makan (*Airport Dining collection*) ("**Pengaksesan Plaza *Premium Lounge***") untuk tahun pertama selepas pengaktifan Kad Utama Layak** (seperti yang ditakrifkan di Klausa 4) **Pemegang Kad Layak**.

Pengaksesan Plaza *Premium Lounge* Pemegang Kad Layak akan diperbaharui secara automatik pada tarikh ulang tahun Kad Utama Layak Pemegang Kad Layak setiap tahun selepas Pemegang Kad Layak memenuhi Syarat Perbelanjaanseperti yang dinyatakan di jadual di bawah ("**Syarat Perbelanjaan**") dan menurut Klausa 3:

| Kad Utama Layak     | Pengaksesan Plaza <i>Premium Lounge</i> setiap tahun | Syarat Perbelanjaan    |
|---------------------|------------------------------------------------------|------------------------|
| CIMB Visa Signature | 2X                                                   | RM36,000 untuk setahun |
| CIMB Visa Infinite  | 5X                                                   | RM60,000 untuk setahun |

- 3. Syarat Perbelanjaan merujuk kepada jumlah Transaksi Layak dalam tempoh 12 bulan terdahulu bermula dari bulan ulang tahun Kad Utama Layak Pemegang Kad Layak seperti yang dinyatakan di belakang Kad di bawah bulan "sah sehingga". Kad Utama Layak Pemegang Kad Layak bulan ulang tahun dalam sistem Bank mungkin berbeza daripada kad kredit fizikal jika Pemegang Kad Layak telah meminta untuk menukar tarikh luput Kad. Untuk mengelakkan keraguan bulan ulang tahun Kad Utama Layak dalam sistem Bank hendaklah mengatasi yang lain.
- 4. "**Transaksi Layak**" hendaklah bermaksud transaksi pembelian untuk barangan dan/atau perkhidmatan dengan menggunakan kad kredit *CIMB Visa Infinite* atau *CIMB Visa Signature* (**Kad Utama Layak**). Untuk mengelakkan keruguan, transaksi berikut dikecualikan secara nyata dan tidak akan dianggap sebagai Tansaksi Layak:
  - i. Transaksi Kuasi Tunai – (contohnya: transaksi pertaruhan dan/atau perjudian);
  - ii. Ansuran bulanan di bawah sebarang kemudahan pembayaran ansuran yang disediakan oleh Bank;
  - iii. Perkhidmatan arahan tetap;
  - iv. Pembayaran fi tahunan atau caj perkhidmatan, caj penghantaran, bayaran tunai, fi penggantian kad, cukai perkhidmatan kerajaan, atau sebarang fi, caj atau penalti lain sama ada yang dikenakan oleh Bank atau sebaliknya;
  - v. Transaksi pendahuluan/pengeluaran/deposit tunai;
  - vi. Transaksi perbelanjaan yang kemudiannya dibatalkan atau dibayar balik, dipertikaikan, transaksi tanpa kebenaran atau penipuan; dan
  - vii. JomPAY

- Sebarang penentuan oleh Bank tentang apa yang merupakan Transaksi Layak hendaklah konklusif dan tidak akan dicabar dalam apa jua cara sekalipun oleh Pemegang Kad Layak melainkan perkara yang sama kelihatan sangat tidak adil atau tidak saksama.
- 5. Dalam menentukan sama ada Syarat Perbelanjaan pada Kad Utama Layak dipenuhi, transaksi perbelanjaan runcit terkumpul Pemegang Kad Layak bermaksud pembalikan bersih dalam tempoh berkaitan akan diagregatkan dan boleh berdasarkan perbelanjaan gabungan Kad Utama Layak dan Kad Tambahannya dalam tempoh berkaitan. Transaksi Layak seorang Pemegang Kad Layak utama tidak boleh digabungkan dengan Pemegang Kad Layak utama yang lain.
  - 6. Jika Pemegang Kad Layak mempunyai berbilang Kad Utama Layak, Transaksi Layak yang dilakukan pada setiap Kad Utama Layak tidak boleh digabungkan dan tidak boleh dibawa ke hadapan ke tahun berikutnya untuk memenuhi Syarat Perbelanjaan mana-mana Kad Utama Layak.
  - 7. Pengaksesan Plaza *Premium Lounge* akan diberikan kepada Pemegang Kad Layak dengan syarat akaun Kad Utama Layak Pemegang Kad Layak bukannya berdelinkuen dan/atau tidak sah dan/atau dibatalkan. Pengaksesan

Plaza *Premium Lounge* akan mempunyai tempoh sah selama satu (1) tahun dan Pengaksesan Plaza *Premium Lounge* yang tidak digunakan tidak akan dibawa ke hadapan.

8. Untuk senarai lengkap atau kemas kini Plaza *Premium Lounge* penyertaan dan koleksi makan-makan (*Airport Dining collection*) ("**Ruang Menunggu**") yang disediakan oleh Kumpulan Plaza *Premium* ("**Penyedia Perkhidmatan**"), sila rujuk [sini](#).
9. Pemegang Kad Layak mesti menunjukkan Kad Utama Layak mereka dengan pas naik yang sah sebelum mengakses Ruang Renunggu. Pemegang Kad Layak akan disahkan berdasarkan identiti mereka yang dinyatakan dalam Kad Utama Layak dan pas naik dan terhadap kelayakan dalam sistem Penyedia Perkhidmatan.
10. Orang dewasa dan kanak-kanak yang menemani Pemegang Kad Layak layak kepada diskaun 50% pada kadar tanpa janji temu yang dipaparkan di *Ruang Menunggu*. Bayi dari umur dua (2) tahun dan ke bawah layak kepada pengaksesan tanpa bayaran. Tawaran tanpa janji temu ini hanya sah untuk Plaza *Premium Lounge* berjenama langsung yang tidak termasuk ruang menunggu rakan kongsi gabungan dan pihak ketiga Plaza *Premium Lounge*.
11. Bank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan dalam apa jua cara sekalipun berhubung dengan pengaksesan atau penafian pengaksesan ke Ruang Menunggu Penyedia Perkhidmatan melainkan perkara yang sama adalah disebabkan oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja oleh Bank.
12. Bank tidak bertanggungjawab ke atas semua perkara yang berkaitan dengan Ruang Menunggu atau kemudahan Ruang Menunggu yang dirujuk dalam klausa 8 termasuk tetapi tidak terhad kepada semua perkhidmatan yang diberikan atau yang akan diberikan oleh Penyedia Perkhidmatan kepada Pemegang Kad Layak.

#### **Terma-Terma dan Syarat-Syarat Am**

13. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini hendaklah mengatasi mana-mana representasi yang terkandung dalam mana-mana bahan promosi atau pengiklanan lain yang diterbitkan atau dikeluarkan berkaitan dengan Pengaksesan Plaza *Premium Lounge*.
14. Bank tidak menanggung liabiliti atau tanggungjawab untuk sebarang tindakan, peninggalan, keingkaran atau kecacatan dalam perkhidmatan yang ditawarkan oleh Penyedia Perkhidmatan dan tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kecederaan, kerugian, ganti rugi, kos atau perbelanjaan yang dialami atau ditanggung secara langsung atau tidak langsung hasil daripada penebusan atau penggunaan Ruang Mennunggu dan perkhidmatan yang disediakan oleh Penyedia Perkhidmatan berkaitan dengan Pengaksesan Plaza *Premium Lounge*. Bank tidak akan bertanggungjawab untuk mengurus dan menyelesaikan sebarang tuntutan, aduan atau pertikaian apa jua Pemegang Kad Layak dan sebarang pertikaian mesti diselesaikan secara langsung dengan Penyedia Perkhidmatan.
15. Pengaksesan Plaza *Premium Lounge* disediakan oleh Penyedia Perkhidmatan di bawah terma-terma dan syarat syarat seperti yang ditentukan oleh Penyedia Perkhidmatan dan/atau pihak-pihak berkenaan lain. Bank tidak memberi representasi atau waranti untuk produk atau perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak sedemikian dan tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau ganti rugi (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, ganti rugi secara langsung atau tidak langsung, sampingan, yang berbangkit, teladan, punitif atau khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) berkaitan dengan Pengaksesan Plaza *Premium Lounge*. Pengaksesan Plaza *Premium Lounge* yang diberikan kepada Pemegang Kad Layak tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai dan/atau kredit dalam apa jua bentuk..
16. Bank merizabkan hak untuk membatalkan kelayakan Pemegang Kad Layak daripada penggunaan perkhidmatan dan/atau perkhidmatan di bawah Pengaksesan Plaza *Premium Lounge* jika:
  - (a) Pemegang Kad Layak telah memungkirkan mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pemegang Kad dan/atau Program Ganjaran Ahli; dan
  - (b) Pemegang Kad Layak berhenti memegang Kad *CIMB Visa Infinite* atau *CIMB Visa Signature* yang sah dan/atau Bank atau Pemegang Kad Layak telah menamatkan Kad *CIMB Visa Infinite* atau *CIMB Visa Signature*-nya.
17. Melainkan dinyatakan sebaliknya, semua terma dan frasa yang digunakan dalam terma-terma dan syarat-syarat ini hendaklah, melainkan ditakrifkan sebaliknya secara nyata atau melainkan konteksnya menghendaki sebaliknya,

mempunyai maksud seperti yang diberikan kepada mereka dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pemegang Kad.

18. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini hendaklah ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan, untuk penyelesaian pertikaian; Pemegang Kad Layak bersetuju untuk menyerahkan kepada bidang kuasa bukan eksklusif Mahkamah Malaysia.
19. Bank boleh mengubah (sama ada dengan menambah kepada, memotong daripada atau sebaliknya meminda) ("Pindaan") mana-mana terma-terma dan syarat-syarat ini dengan memberi kepada Pemegang Kad Layak sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum Pindaan berkuat kuasa. Notis Pindaan boleh diberikan dengan cara yang sama seperti notis pindaan diberikan di bawah Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pemegang Kad.
20. Pemegang Kad Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan Bank ("CRU") untuk sebarang maklum balas dan/atau aduan dengan menghubungi nombor telefon atau alamat berikut (yang mungkin ditukar oleh Bank dari semasa ke semasa melalui notis kepada Pemegang Kad Layak): Unit Resolusi Pelanggan, Peti Surat 10338 Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur 50710 Wilayah Persekutuan; No. Pusat Panggilan +603 6204 7788, e-mel: [contactus@cimb.com](mailto:contactus@cimb.com)